

**KENALI KAMI  
MASYARAKAT ORANG  
ASLI DI MALAYSIA**



**KENALI KAMI  
MASYARAKAT ORANG  
ASLI DI MALAYSIA**



# ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN

PRAKATA

Orang Asli : Satu Pengenalan	1
Bentuk Muka Bumi	13
Merentas Budaya	23
Tradisi Dan Peradaban	41
Sosio Ekonomi	57
Amalan dan Kepercayaan	71
Pendidikan	85
Teknologi dan Impaknya	97
Bibliografi	109



# PRAKATA

Dengan nama Allah s.w.t yang amat pemurah lagi amat penyayang. segala puji bagi Allah, tuhan pencipta alam. syukur alhamdulillah ,dengan izinNya usaha untuk menyiapkan buku ini telah dapat dilaksanakan.

Tujuan utama buku ini ditulis ialah untuk mendedahkan secara realiti masyarakat Orang Asli yang berada di sepanjang laluan dari Tanah Rata di Cameron Highlandshingga ke kampung Lanai,kuala Lipis. dapatan kajian ini adalah hasil daripada program Jelajah Titiwangsa yang telah berjaya dilaksanakan oleh pensyarah dan pelajar yang bertindak sebagai satu kumpulan penyelidikan . daripada dapatan tersebut maka telah berjaya dihasilkan sebuah buku yangtelah sama-sama disiapkan oleh kumpulan penyelidikan yang telah diwujudkan. buku ini adalah sebagai sebuah buku bacaan umum yang boleh digunakan sebagai rujukan kepada pelajar-pelajar sekolah,matrikulasi,politenik,kolej,institut,universiti hinggalah kepada semua individu dan masyarakat yang memerlukan rujukan mengenai Orang Asli.

Kandungan buku ini agak mudah untuk difahami dengan memuatkan kandungan dari segi teks dan gambar yang berdasarkan daripada pengalamanebenar penyelidik yang merangkumi beberapa aspek iaitu pengenalan kepada Orang Asli , bentuk muka bumi,budaya,tradisi dan peradaban,sosio ekonomi, amalan kepercayaan,pendidikan serta kesan terhadap kemajuantenologi terhadap Orang Asli. penulis telah menyusun topik-topik tersebut dengan jalinan cerita yang menarik dari satubab kepada bab yang lain supaya pembaca dapat menghayati penulisan yang diilhamkan ini.

Akhir sekali penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan penulis di kalangan pensyarah dan pelajar sama-sama menyiapkan manuskrip ini, pihak penerbit KUiTTHO yang telah terbabit secara langsung dan tidak langsung.

Penghargaan khas yang tidak terhingga kepada Prof,Dr.Hj.Ismail bin Othman ,Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang,saft Pejabat Daerah Cameron Highlands,Pejabat Daerah Lipis,Jabatan hal Ehwal Orang Asli,semua agensi kerajaan,Tok Batin,penduduk Orang Asli serta penaja-penaja iaitu Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dan Amanah Iktiar Mlaysia. semoga sumbangan merea ini sentiasa dalam keberkatan Allah s.w.t hendaknya

Wassalam

**Abdul Talib Bon**  
Ketua Pengarang  
November 2003





# PENGHARGAAN

**Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**  
*dengan segala hormatnya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan  
kepada*

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia  
Kerajaan Negeri Pahang  
Amanah Iktiar Malaysia  
Pejabat Daerah Cameron Hinglands  
Pejabat Daerah Kuala Lipis  
Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Gombak  
Rumah Persingahan Persekutuan Cameron Hinglands  
Perkampungan Orang Asli Tanah Rata  
Jawatankuasa Kebajikan Kampung Serau  
Jurutera Daerah Cameron Hinglands  
Central Point dan Apartment  
Pejabat Daerah & Tanah, Lipis, Pahang  
Dan semua penduduk kampung Kuala Boh, Kg. Habu, Kg. Tiat,  
Kuala Misung, Kuala Perahu, Pos Lanai, Kuala Medang dan Kuala Lipis  
dalam menjayakan

**Program Jelajah Titiwangsa (JetTY) 2002**

*Terima Kasih*



# Orang Asli: Satu Pengenalan

Masyarakat peribumi adalah penghubung kepada sejarah dan tamadun awal di negara kita ini. Sejarah Malaysia telah mencatatkan bahawa negara ini pernah diduduki oleh manusia sejak zaman berzaman dahulu yang bermula dari Zaman Paleolitik iaitu Zaman Batu Awal, Zaman Mesolitik iaitu Zaman Gangsa dan Besi. Daripada kajian dan bukti-bukti yang diperolehi oleh ahli arkeologi telah menunjukkan bahawa beberapa kawasan di Malaysia ini telah didiami manusia sejak beribu tahun lalu.

Carey (1976) mentakrif *asli* adalah dari perkataan Arab iaitu *Asali* atau *Original*. Semasa pemerintahan British Orang Asli dipanggil Sakai, manakala Inggeris masyarakat Orang Asli sebagai *aborigines*. Menurut Jasman Ahmad dan Rosnah Ramli (1997), istilah *aborigines* lebih membawa makna sebagai masyarakat yang mundur, primitif dan masih

tidak membangun. Kerajaan Malaysia telah menukar istilah tersebut kepada Orang Asli yang lebih menjurus kepada kehidupan yang moden tidak menyentuh sikap negatif masyarakat tersebut.

### Latarbelakang Orang Asli

Menurut Jismin Idris dalam Ramlee Abdullah (1993) masyarakat Malaysia yang tersebar di seluruh semenanjung Malaysia kecuali Perlis dan Pulau Pinang. Masyarakat Orang Asli dibahagikan kepada beberapa kriteria seperti bahasa,kebudayaan,cara hidup dan ciri-ciri fizikal. Berdasarkan kepada kriteria tersebut maka para pengkaji telah membahagikan mereka kepada 3 kumpulan utama iaitu Negito,Senoi dan Proto-Malay. Ketiga-tiga suku tersebut diklafikasikan kepada enam suku kecil berjumlah 92,523 orang. Hampir 30% daripada Orang Asli tinggal di pedalaman dan selebihnya tinggal menetap berjiranan dengan kampung-kampung Melayu atau tinggal di sepanjang pesisiran pantai Selangor Darul Ehsan,Johor dan Pahang. Mereka juga tinggal di kawasan hutan Banjaran Titiwangsa dan kawasan-kawasan lain di seluruh Semenanjung.



*Malu tapi mahu (sumber : [https://en.wikipedia.org/wiki/Orang\\_Asli](https://en.wikipedia.org/wiki/Orang_Asli) )*

Kebanyakan daripada mereka tinggal di hutan belantara dan tanah-tanah tinggi di antara 2,000 hingga 6,000 kaki dari paras laut Terdapat 40% daripada mereka tinggal di tanah rendah dan persisiran pantai. Secara tradisi ,Orang Asli hidup dalam kumpulan-kumpulan kecil yang terdiri dari 10 hingga 50 kelamin. Walaupun ada sebahagian daripada mereka yang masih hidup secara berpindah randah, tetapi 80% hingga 90% sudah pun menetap di kampung-kampung seperti orang melayu.

## Asal-Usul Dan Penempatan Suku Senoi

Suku Senoi merupakan suku yang terbesar di Semenanjung Malaysia. Menurut bancian pada 1993 Suku Senoi berjumlah 49,900 orang (Jasman, 1997). Jumlah ini menunjukkan suku Senoi adalah 51.74 peratus dari jumlah keseluruhan Orang Asli. Orang Senoi terdiri daripada kumpulan-kumpulan utama iaitu:



*Salah satu cara bentuk penempatan Orang Asli di sini (sumber : <https://www.thevocket.com>)*

- |    |            |   |   |
|----|------------|---|---|
| 1. | Semai      | - | di timur laut Pahang dan selatan Perak. |
| 2. | Temiar     | - | di utara Perak dan selatan Kelantan.    |
| 3. | Jahut      | - | di Pahang                               |
| 4. | Che Wong   | - | di kawasan pantai Selangor              |
| 5. | Semoq Beri | - | di pantai Selangor                      |
| 6. | Mah Meri   | - | di Pahang/Terengganu                    |

Suku Senoi dipercayai berasal daripada kumpulan yang dua berhijrah ke Semenanjung Malaysia kira-kira 5000 hingga 8000 tahun lalu. Penghijrahan ini berlaku setelah kaum Negrito telah tiba di Semenanjung (Jasman, 1997). Menurut P.W Schmidt dalam Amran Kasimin (1995) asal usul Orang Senoi adalah dari bangsa Mon Khmer. Mereka ada hubungan kaum dengan suku kaum di kawasan pergunungan Kemboja dan Vietnam, Selatan India, Sri



*Keluar mencari rezeki(<http://www.utusan.com.my>)*

Lanka dan Australia (Jasman,1997). Jika dilihat dari segi fizikal,suku Senoi mempunyai kulit yang cerah sedikit berbanding Negrito. Rambut suku Senoi ikal dan tidak terlalu kerinting . Kaum lelaki bertubuh tegap dan gagah memperlihatkan ciri-ciri pendaki bukit yang bersesuaian dengan kehidupan mereka yang tinggal di lereng-lereng bukit. Menurut Jasman (1997) lagi dari segi corak hidup juga adalah berbeza kerana mereka tidak mempunyai penempatan yang tetap. Sekiranya kawasan yang mereka terokai tidak lagi subur, mereka akan bertahan di satu-satu kawasan sekitar dua atau tiga tahun sahaja. Dari segi makanan mereka bergantung kepada penanaman bijirin seperti beras (padi bukit) dan sekoi,ubi kayu dan ubi keledek, sedikit tembakau dan setengah tanaman jagung India. Mereka banyak menggunakan sumpitan dan perangkap binatang yang diperbuat daripada rotan.

### **Sumber Pendapatan**

Sumber pendapatan Orang Asli adalah berlandaskan kepada persekitaran di sekeliling mereka. Pekerjaan utama masyarakat Orang Asli boleh dikategorikan kepada empat iaitu pertanian sara diri, berburu,menangkap ikan dan mengumpul hasil-hasil hutan. Pertanian sara diri merujuk kepada pertanian secara kecil-kecilan yang biasanya diusahakan sekitar rumah sahaja. ia adalah untuk memenuhi keperluan seharian tanpa perlu dijual kepada masyarakat lain. Mereka Juga menanam pewlbagai jenis tanaman lain. Ada juga yang menyara keluarga dengan menukarkan hasil pertanian berkenaan di antara satu sama lain yang dikenali sebagai Sistem Barter.